



**PTS Media Group Sdn. Bhd.** (173482-A)  
*pts.com.my*

No. 12, Jalan DBP,  
Dolomite Business Park,  
68100 Batu Caves,  
Selangor, MALAYSIA  
**Tel : +603-6188 0316**  
**Faks : +603-6189 1316**

## **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

### **BUKU IBNU BATTUTA: PENGEMBARA ULUNG ISLAM**

Al-Ghazali, seorang penulis yang tidak asing lagi dengan menghasilkan karya-karya novel sejarah Islam. PTS Publishing House Sdn. Bhd. menerbitkan karya terbaru beliau berjudul Ibnu Battuta: Pengembara Ulung Islam. Ibnu Battuta terkenal sebagai seorang pengembara Muslim yang merentas hampir 30 tahun ke daerah-daerah yang sama luasnya dengan 44 negara zaman moden kini. Bermula dari Afrika Utara, Afrika Barat, Timur Tengah, Asia Selatan, Asia Tengah, Asia Tenggara (termasuk Melaka), dan juga China.

Buku ini merangkumi 272 muka surat yang memuatkan 40 bab. Ia menceritakan kisah perjalanan Ibnu Battuta. Berdasarkan pembacaan buku ini, pembaca akan menyedari, sebenarnya pengalaman pengembaraan Ibnu Battuta terciptanya satu sejarah Islam yang mungkin kurang diketahui umum. Malah, pengembaraan Ibnu Battuta ini adalah pengenalan bagi mendalami seluruh dunia Islam. Oleh itu, buku ini bukan sahaja sebagai bahan bacaan harian, malah, boleh dijadikan rujukan dalam kehidupan dan akademik.

Keunikan buku ini adalah bukan hanya memuatkan catatan pengalaman seorang pengembara, malah menjadi sumber rujukan sejarah penting berkenaan dunia Timur pada abad ke-13 dan awal abad ke-14. Al-Ghazali turut menghasilkan karya novel sejarah yang lain seperti *Malcolm X: Pembela Kulit Hitam Amerika*, *Umar Mukhtar: Singa Padang Pasir*, *Hayreddin Barbarossa: Pembela Islam Di Lautan Mediterranean*, dan banyak lagi.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)